

Profil Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi terhadap Amalan Kepenggunaan
*Nurazlina Dol, Elistina Abu Bakar, Zuroni Md. Jusoh dan Afida Mastura
Muhammad Arif*

Faktor-Faktor Mempengaruhi Amalan Pengambilan Makanan Lestari dalam
Kalangan Isi Rumah di Kota Bharu
Zuroni Md Jusoh dan Muhammad Mustaqim Abdul Malek

Factors Influencing Financial Well-Being among Employees in an Organization
in Nigeria
*Ogunleye Kemisola-Christianah, Mohamad Fazli Sabri, Shamsul Azahari
Zainal Badari and Oladipo Kolapo Sakiru*

Factors Influencing the Intention to Adopt E-Wallet among Students of
Universiti Putra Malaysia
Syuhaily Osman and Leong Yun Yi

Differentiating Bribery Intention using Behavioural Finance Factors among
Malaysian Public Workers
*Mohd. Amim Othman, Husniyah Abd. Rahim, Nurul Fardini Zakaria and
Amirah Shazana Magli*

Analisis Ergonomik terhadap Kesihatan dan Keselamatan dalam Kalangan
Pemandu Teksi Warga Tua di Malaysia
Irwan Syah Md Yusoff

Intention to Practise Solid Waste Segregation-At-Source: Attitude, Descriptive
Norm, Injunctive Norm, and Environmental Knowledge
Cheng Kai Wah, Syuhaily Osman, Zuroni Md Jusoh and Nur Jasmine Leby Lau

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA

Lembaga Pengarang

Syuhaily Osman (Prof. Madya Dr.) (Ketua Editor)	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Husniyah Abdul Rahim (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Norhasmah Sulaiman (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia
Afida Mastura Muhammad Arif (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Zuroni Md Jusoh (Dr.)	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Nur Jasmine Leby Lau (Dr.)	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Megawati Simanjuntak (Dr.)	Fakultas Ekologi Manusia Institut Pertanian Bogor, Indonesia

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA adalah keluaran Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia. Ia bertujuan untuk menyebarkan, menambah dan berkongsi maklumat berkaitan hal ehwal, undang-undang, penyelidikan dan isu semasa pengguna. Jurnal ini juga menggalakkan penulisan dan perkongsian idea tentang masalah dan keperluan pengguna dalam bentuk rencana, ulasan dan penyelidikan. Sila rujuk panduan kepada penulis untuk penghantaran bahan artikel.

Ketua Editor,
Jurnal Pengguna Malaysia
d/a Jabatan Pengurusan Sumber dan Pangajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor
Email: macfea@gmail.com

Profil Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi terhadap Amalan Kepenggunaan <i>Nurazlina Dol, Elistina Abu Bakar, Zuroni Md. Jusoh dan Afida Mastura Muhammad Arif</i>	1
Faktor-Faktor Mempengaruhi Amalan Pengambilan Makanan Lestari dalam Kalangan Isi Rumah di Kota Bharu <i>Zuroni Md Jusoh dan Muhammad Mustaqim Abdul Malek</i>	23
Factors Influencing Financial Well-Being among Employees in an Organization in Nigeria <i>Ogunleye Kemisola-Christianah, Mohamad Fazli Sabri, Shamsul Azahari Zainal Badari and Oladipo Kolapo Sakiru</i>	45
Factors Influencing the Intention to Adopt E-Wallet among Students of Universiti Putra Malaysia <i>Syuhaily Osman and Leong Yun Yi</i>	65
Differentiating Bribery Intention using Behavioural Finance Factors among Malaysian Public Workers <i>Mohd. Amim Othman, Husniyah Abd. Rahim, Nurul Fardini Zakaria and Amirah Shazana Magli</i>	84
Analisis Ergonomik terhadap Kesihatan dan Keselamatan dalam Kalangan Pemandu Teksi Warga Tua di Malaysia <i>Irwan Syah Md Yusoff</i>	102
Intention to Practise Solid Waste Segregation-At-Source: Attitude, Descriptive Norm, Injunctive Norm, and Environmental Knowledge <i>Cheng Kai Wah, Syuhaily Osman, Zuroni Md Jusoh and Nur Jasmine Leby Lau</i>	119

PENYUMBANG ARTIKEL

Afida Mastura Muhammad Arif	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Amirah Shazana Magli	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Cheng Kai Wah	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Elistina Abu Bakar	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Husniyah Abd. Rahim	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Irwan Syah Md Yusoff	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Leong Yun Yi	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Mohamad Fazli Sabri	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Mohd. Amim Othman	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Muhammad Mustaqim Abdul Malek	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Nur Jasmine Leby Lau	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Nurazlina Dol	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Nurul Fardini Zakaria	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Ogunleye Kemisola-Christianah	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Oladipo Kolapo Sakiru	Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
Shamsul Azahari Zainal Badari	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Syuhaily Osman	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Zuroni Md. Jusoh	Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI AMALAN PENGAMBILAN MAKANAN LESTARI DALAM KALANGAN ISI RUMAH DI KOTA BHARU

Zuroni Md Jusoh¹
Muhammad Mustaqim Abdul Malek¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari dalam kalangan isi rumah di Kota Bharu, Kelantan. Sebanyak 200 orang responden telah dipilih secara pensampelan rawak mudah dan maklumat dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil analisis regresi linear pelbagai menunjukkan pengaruh faktor-faktor peramal bagi amalan pengambilan makanan lestari ialah sebanyak 33.8%. Kesimpulannya, faktor-faktor peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari ialah kesedaran dan sikap. Oleh itu, kajian ini berpotensi sebagai sumber maklumat kepada pengeluar, pasaraya, media dan pengusaha makanan domestik berhubung kepentingan makanan lestari dalam pembangunan produk dan pengedaran bahan pengiklanan, justeru dapat menyediakan menu yang berkhasiat, sihat dan seimbang kepada masyarakat.

Kata kunci: Pengetahuan; Sikap; Amalan; Makanan lestari

Abstract

This study aims to investigate the factors affecting the green food consumption practices among households in Kota Bharu, Kelantan. A total of two hundred respondents were selected by simple random sampling and the information was collected using the questionnaire. The result of Multiple Linear Regression Analysis found that the predictor factor affecting green food consumption practices is 33.8 percent. In conclusion, the predictor factors affecting the purchasing practices of green food are awareness and attitude. Therefore, it is suggested that this study could serve as a source of information for producers, supermarkets and media and domestic food operators on the importance of green food through the development and distribution of advertising materials and these parties provide nutritious, healthy and balanced menus for the general public.

Keywords: Knowledge; Attitude; Practice; Green food

¹ Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Pendahuluan

Makanan lestari merujuk kepada makanan yang baik, yang harus dilihat dari segi penghasilan, pemprosesan, pengedaran, dan pelupusan dengan cara tertentu untuk menyumbang kepada ekonomi tempatan dan sumber pendapatan yang mampan atau berlandaskan konsep kelestarian. Liu (2003) menyatakan makanan lestari boleh didefinisikan sebagai makanan yang tidak berisiko untuk dimakan, berkualiti baik, berkhasiat dan mengambil berat akan kebajikan haiwan serta dihasilkan bertepatan dengan prinsip pembangunan lestari. Makanan lestari terdiri daripada dua kumpulan. Kumpulan pertama, makanan lestari membolehkan produk atau makanan mengurangkan penggunaan bahan kimia tertentu manakala kumpulan kedua merujuk kepada makanan organik, iaitu makanan seratus peratus organik (Phuah, Golnaz, Zainalabidin, & Mad Nasir, 2011). Oleh itu, semua makanan lestari bukan makanan organik. Namun, kumpulan pertama meletakkan asas yang baik untuk membangunkan kumpulan yang kedua (Phuah *et al.*, 2011). Pada masa ini, istilah makanan organik kekal longgar ditakrifkan sepanjang dimensi seperti biologi, dihasilkan secara semula jadi, hijau, mesra alam, penggunaan bahan kimia tiruan yang lestari dan terhad (Goldman & Hylton, 1972). Selain itu, makanan lestari juga dihasilkan secara organik iaitu umumnya dianggap lebih sihat, lebih selamat, lebih baik dan lebih berkhasiat berbanding dengan makanan konvensional (Perrini, Castaldo, Misani, & Tencati, 2010).

Senario semasa menunjukkan Malaysia merupakan sebuah negara membangun dan berkembang dari segi pelepasan karbon dan menghadapi peningkatan penggunaan tenaga. Oleh itu, kerajaan harus mengambil kira dalam mewujudkan kesedaran berhubung keprihatinan alam sekitar dalam kalangan masyarakat untuk mengurangkan kesan rumah hijau. Kajian lepas menunjukkan bahawa 70% pengguna menunjukkan keprihatinan mereka terhadap persekitaran, namun mereka tetap tidak mengambil produk lestari (Schlegelmilch, Greg, & Adamantios, 1996). Selain itu, tahap kesedaran berhubung makanan lestari masih rendah kerana makanan organik masih terlalu asing bagi masyarakat di negara ini, justeru hal ini merupakan salah satu daripada pernyataan masalah kajian. Tidak banyak pendedahan mengenainya dilakukan walaupun makanan ini telah popular di beberapa negara lain di dunia (Sadatul, 2008).

Masalah pemasaran dan kekurangan pelbagai makanan lestari juga menjadi isu utama. Hal ini menyebabkan rakyat Malaysia ragu-ragu untuk mengambil makanan lestari dalam rutin harian kerana kualiti produk masih belum dapat dipastikan (Yaty & Nur Hazirah, 2017). Begitu juga dengan pengetahuan yang kurang tentang makanan lestari turut menjadi penyumbang utama kepada masalah kesihatan rakyat Malaysia (Sharf, Selaa, Zentner, Shooba, Shai, & Zamir, 2012). Dilaporkan bahawa lebih daripada 10,000 orang di Malaysia meninggal setiap tahun akibat penyakit yang berkaitan dengan hipertensi seperti strok, serangan jantung dan sekitar 6000

kematian disebabkan oleh penyakit jantung koronari. Pada masa ini, tiga juta rakyat Malaysia menderita kolesterol tinggi sementara 2.1 juta rakyat Malaysia menderita diabetes. Lebih daripada 40,000 kes baharu telah dilaporkan dan setiap hari, kira-kira 110 orang rakyat Malaysia menderita strok yang merupakan pembunuh ketiga di negara ini. Sudah jelas bahawa rakyat Malaysia menghadapi gaya hidup tidak sihat yang kritikal yang berkaitan dengan masalah kesihatan (Yaty & Nur Hazirah, 2017). Berhubung harga pula, hal ini dianggap sebagai faktor yang berpengaruh untuk penggunaan makanan lestari dan pihak pengguna melihat produk ini lebih mahal daripada makanan konvensional (Rodiger, 2018). Harga ialah elemen utama dalam proses pembelian dan pengguna merasakan bahawa makanan lestari ini sepatutnya tidak boleh dikategorikan sebagai produk yang mahal. Sekiranya makanan itu mahal, mungkin menjadi masalah dalam kalangan pengguna dan mereka lebih cenderung menggunakan makanan konvensional setiap hari.

Di Malaysia, sumber pencemaran utama termasuk aktiviti pembakaran terbuka, kenderaan bermotor, dan industri pertanian (Tan & Lau, 2010). Lidiana, Zuroni, Norhasmah, Husniah, Elistina, dan Askiah (2014) menyatakan bahawa tahap sikap yang baik dalam mengamalkan pengambilan makanan lestari masih rendah di Malaysia. Selain itu, Tatiana, Norhasmah, dan Syuhaily (2015) menyatakan bahawa rakyat Malaysia juga masih mempunyai tahap sikap yang rendah terhadap amalan makanan lestari. Oleh itu, untuk mengurangkan masalah alam sekitar dalam membangunkan negara seperti Malaysia, perlulah meningkatkan kehebatan dan pengeluaran ekologi dengan mengubah corak penggunaan pemakanan pengguna dalam tingkah laku manusia dan mengamalkan budaya yang baik.

Maka disebabkan hal inilah, kajian ini dilakukan dan memfokuskan kepada pelbagai aspek antaranya ialah tahap pendidikan, tahap pengetahuan, kesedaran dan sikap isi rumah Kota Bharu terhadap amalan makan lestari.

Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari dalam kalangan isi rumah di Kota Bharu, Kelantan.

Kajian Literatur

Tahap pendidikan dengan pengetahuan

Tahap pendidikan merupakan satu perkara yang penting dan berkait rapat dengan pengetahuan tentang sesuatu perkara, tidak kiralah apa-apa perkara pun kerana tahap pendidikan melibatkan pengetahuan seseorang. Sekiranya tahap pendidikan rendah maka pengetahuan tentang kehidupan turut rendah, lebih-lebih lagi berkaitan

makanan lestari. Menurut Teisl, Levy, dan Derby, (1999) individu yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah kurang memberi perhatian terhadap kepentingan diet dalam kehidupan.

Pendidikan mempengaruhi pengetahuan seseorang kerana pendidikan dapat menambahkan fikiran dan juga akan mempengaruhi tingkah laku amalan makanan lestari. Lasantha (2018) menyatakan bahawa semakin tinggi pendidikan seseorang, semakin tinggi pula penguasaan dan pemahaman terhadap sesuatu perkara. Oleh yang demikian, semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin luas pengetahuan seseorang terhadap makanan lestari isi rumah. Menurut Tan, Dun, Mohamed, dan Mustaqpha (2011), masyarakat kebanyakannya mempunyai tahap pendidikan dan pengetahuan yang rendah tentang kualiti makanan lestari. Hal ini boleh menyebabkan mereka tidak tahu akan kandungan nutrisi yang ada dalam makanan lestari. Hal ini disebabkan individu tersebut tidak dapat memahami arahan, label ubat-ubatan dan bahan pendidikan (Schilinger, Grumbach, Piette, Wang, Osmond, & Dacher, 2002). Pendidikan formal dan peningkatan kebolehan membaca serta pengaruh sosial memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pengetahuan tentang kesihatan masyarakat (Andrzejewski, Michael, & White, 2008).

Tahap pendidikan dengan sikap

Sikap ialah satu perkara yang subjektif bagi isi rumah. Oleh yang demikian, setiap manusia tidak mempunyai sikap yang sama dengan manusia lain walaupun mempunyai hubungan pertalian kekeluargaan. Sikap isi rumah ke arah makanan lestari adalah salah satu pemboleh ubah yang paling penting untuk diramal dan menjelaskan pilihan pengguna merentas produk dan perkhidmatan, termasuk produk makanan (Honkanen, Verplanken, & Olsen, 2006). Terdapat kajian sebelum ini yang menyatakan bahawa sikap isi rumah terhadap makanan lestari adalah berkait dengan pendidikan makanan lestari kerana tingkah laku isi rumah berkait rapat dengan pendidikan seseorang. Hal ini sejajar dengan pendapat Salleh (2010) yang menyatakan kajian sebelumnya telah mengaitkan penggunaan makanan lestari dengan sikap atau tingkah laku seperti kesedaran kesihatan, kesedaran alam sekitar, kepercayaan tuntutan makanan organik, keinginan makanan organik seperti rasa, tekstur, kesegaran dan sikap lain seperti sikap terhadap produk tempatan, perdagangan yang adil (Tanner & Wölfling Kast, 2003) dan sebagai rujukan pengetahuan (Amran & Nee, 2012).

Isi rumah yang mempunyai pendidikan yang tinggi akan menyemak status makanan melalui label dan mempengaruhi sikap dalam aspek pembelian makanan lestari. Akibatnya, isi rumah boleh bergantung pada label produk, iklan dan pensijilan sebagai isyarat kepercayaan produk makanan lestari (Maria, 2015). Tahap pendidikan yang semakin meningkat ditambah dengan akses yang lebih baik kepada

saluran komunikasi dan maklumat di seluruh dunia telah meningkatkan mereka kesedaran mengenai isu kesihatan dan persekitaran (Tanner *et al.*, 2003).

Tahap pendidikan dengan kesedaran

Pendidikan ialah aspek terpenting dalam mempengaruhi kesedaran kerana peningkatan tahap pendidikan dapat menimbulkan kesedaran tentang sesuatu perkara. Menurut Hafezi, Shobiri, Sarmadi, dan Abass (2013), pendidikan kelestarian dapat membantu mencapai kesedaran dan bertanggungjawab terhadap kelestarian makanan. Hal ini dapat ditakrifkan dan dikaji selama 25 tahun yang lalu. "Secara umumnya pendidikan (kelestarian) alam sekitar adalah proses yang menimbulkan kesedaran dan pemahaman tentang hubungan antara manusia dan banyak persekitarannya - alam, buatan manusia, budaya dan teknologi. Pendidikan alam sekitar berkenaan dengan pengetahuan, nilai dan sikap yang mempunyai tanggungjawabnya terhadap tingkah laku alam sekitar." (Hafezi *et al.*, 2013).

Perkaitan antara pengetahuan dengan amalan makanan lestari

Pengetahuan adalah salah satu aspek penting bagi pengguna atau isi rumah untuk mendapatkan pemakanan yang selamat, berkualiti, kelestarian dan lain-lain. Sharf *et al.* (2012) menyatakan bahawa faktor utama yang memberi kesan kepada masalah kesihatan pengguna ialah kekurangan pengetahuan pemakanan yang selamat. Kebiasaannya pengguna mendapatkan pengetahuan melalui pemasar atau penjual, pelabelan, dan lain-lain. Sebagai contoh, pengguna bertanya tentang pemakanan melalui penjual, pemasar, pelabelan sama ada makanan dikategorikan lestari atau tidak lestari. Rohr (2005) menyatakan bahawa pemilihan dan pengambilan makanan yang selamat sering menjadi persoalan yang pertama diajukan oleh pengguna kepada penjual sebelum membuat keputusan membeli atau menggunakannya. Ada sebilangan pengguna tidak memahami pelabelan, pengguna akan mendapat sedikit kesan masalah kesihatan. Hal ini disokong oleh Phuah *et al.* (2011) yang menyatakan pengguna berkemungkinan besar tidak memahami label nutrisi makanan yang disediakan dan ini dapat menjejaskan pengetahuan isi rumah terhadap makanan lestari.

Maklumat ialah perkara yang amat penting bagi pengguna dalam membuat pilihan pembelian produk dan membantu membuat keputusan terhadap pengambilan makanan lestari. Apabila pengguna mendapatkan maklumat, secara langsung pengguna atau isi rumah mendapat pengetahuan berkaitan makanan lestari. Jadi, amat penting untuk memahami bagaimana maklumat dibekalkan kepada pengguna untuk menambah pengetahuan pengguna dalam memberi informasi berkaitan produk tersebut. Hubungan antara pengetahuan dengan sikap bergantung pada sumber maklumat yang diperoleh (Mario, Sara, & Alan 2009). Selain itu, Tan *et al.* (2011) turut menyatakan tentang tahap pendidikan dan pengetahuan yang rendah tentang

kualiti makanan. Hal ini boleh dikaitkan dengan makanan lestari kerana makanan lestari juga berkait dengan sesuatu makanan yang diperlukan oleh pengguna atau isi rumah agar selamat dimakan. Hal ini kerana pendidikan dan pengetahuan yang rendah tentang pemakanan yang berkualiti, berkhasiat dan lestari, maka mudahlah seseorang itu mendapat risiko pelbagai penyakit.

Selain itu, Wetter, Goldberg, King, dan Sigmant-Grant (2001) menegaskan bahawa pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan dan amalan masyarakat di Amerika Syarikat terhadap amalan pemakanan dan sukan serta rekreasi. Malangnya, pengetahuan ini kurang diamalkan dalam kehidupan seharian. Dapatan kajian yang sama juga dilaporkan dalam kajian Morrow, Krzewinski-Malone, Jackson, Bungum, dan Fitzgerald (2004). Melalui persamaan dapatan antara kajian terdahulu, Rudd, dan Glanz (1990) dengan Wetter *et al.* 2001 dan Morrow *et al.* (2004) menyimpulkan bahawa pengetahuan tidak memainkan peranan yang besar dalam pembentukan amalan gaya hidup sihat. Hasil sorotan literatur membuktikan bahawa terdapat peningkatan pengetahuan yang tinggi dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan gaya hidup sihat (Johe & Bhullar, 2016; Wan & Shen, 2015). Walau bagaimanapun, pengetahuan tersebut kurang dilaksanakan dalam kehidupan seharian dan akhirnya mengundang risiko ancaman terhadap tahap kesihatan yang berterusan.

Perkaitan antara sikap dengan amalan makanan lestari

Sikap dan amalan pengguna terhadap fenomena yang sentiasa berubah, dan ini memberitahu bahawa pengetahuan, sikap dan amalan pengguna tidak difahami sebaik-baiknya (Saleki, Seyedsaleki, & Rahimi, 2012). Hal ini menunjukkan pengguna tidak begitu memahami tentang makanan lestari. Teori ekonomi menyatakan bahawa sikap individu dalam membeli dipengaruhi oleh rasa dan ciri-ciri produk (Mario *et al.*, 2009). Hal ini dapat dijelaskan bahawa sikap seseorang jika hendak membeli makanan adalah berkait dengan rasa dan ciri-ciri makanan, bukannya makanan lestari. Kepercayaan dan sikap pengguna telah menjadi dua faktor yang boleh memberi kesan kepada penggunaan. Pengguna akan membeli makanan lestari apabila keperluan dan kehendak utama mereka terhadap kualiti, kesediaan, kemudahan, prestasi, dan kemampuan tercapai (Ottman, 1992).

Pengguna juga hanya akan membeli produk lestari apabila mereka sedar yang produk lestari mampu mengurangkan isu alam sekitar yang kian memburuk kini (Mahesh, 2013). Roberts (1996) juga mengenal pasti bahawa kesedaran tentang persekitaran dan juga pengguna yang menjalankan aktiviti lestari boleh membantu mengurangkan isu alam sekitar dan ini merupakan tingkah laku pengguna yang lestari. Soonthorsmai (2007) mendapati individu yang sedar dan prihatin tentang isu alam sekitar dikenali sebagai pengguna lestari. Bagi amalan pengguna terhadap makanan lestari, Chris (2008) pula melaporkan bahawa pengguna yang menjalani

kehidupan lestari akan menjadi lebih mesra alam dan prihatin terhadap kesihatan serta mempunyai keinginan untuk memakan makanan lestari (Wang, Zhang, Cao, Hu, & Yu, 2019).

Perkaitan kesedaran terhadap amalan makanan lestari

Isi rumah di seluruh dunia semakin bimbang tentang pemakanan seharian, dan hal ini berkaitan kesedaran isi rumah mahupun pengguna terhadap makanan lestari. Gil (2000) menyatakan bahawa pengguna atau isi rumah di seluruh dunia semakin bimbang tentang pemakanan, kesihatan dan kualiti makanan mereka. Oleh yang demikian, kesedaran tentang makanan lestari dapat meningkatkan tingkah laku ke atas amalan makanan lestari. Kesedaran tentang kesihatan dapat mendorong seseorang manusia, pengguna mahupun isi rumah untuk mengamalkan gaya pemakanan makanan lestari.

Di samping itu, kesedaran ini bukan sahaja dapat menimbulkan pengamalan pemakanan makanan lestari oleh isi rumah, malah dapat menimbulkan permintaan makanan lestari di peringkat pasaran. Oleh yang demikian, pengguna tidak perlu risau tentang makanan lestari yang berada dipasaran. Hal ini disokong oleh Phuah *et al.* (2011) dengan menyatakan bahawa peningkatan dalam kesedaran pengguna tentang nilai kesihatan dan khasiat makanan telah meningkatkan permintaan makanan berfungsi, makanan organik, makanan lestari dan makanan semula jadi. Kesedaran isi rumah perlu untuk pengguna Malaysia menjadi lebih tertarik kepada produk tanpa GMO (*Genetic Modified Organism*) seperti makanan organik untuk meningkatkan permintaan terhadap bekalan yang terhad (Ahmad & Juhdi, 2010).

Metodologi

Reka bentuk dan persampelan kajian

Kaedah penyelidikan yang berbentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan ke atas masyarakat di kawasan Kota Bharu, Kelantan. Lokasi kajian ini adalah di kawasan perumahan di sekitar bandar Kota Bharu. Lokasi tersebut dipilih kerana terdapat ramai responden daripada pelbagai latar belakang, berbilang-bilang bangsa dan lain-lain yang boleh diambil sebagai responden. Lokasi ini juga dipilih dengan menggunakan persampelan rawak mudah ke atas 200 orang responden. Kaedah ini digunakan agar subjek kajian yang dipilih memiliki unsur-unsur yang diperlukan dalam kajian dan mewakili apa-apa yang dikehendaki dalam reka bentuk kajian.

Instrumen kajian

Borang soal selidik merupakan salah satu metod yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpulkan data pengkajian. Alat soal selidik ini mempunyai lima bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E. Bahagian A digunakan untuk sosiodemografi, iaitu mengumpulkan maklumat tentang subjek kajian seperti jantina, umur, tahap pendidikan, tingkat pendapatan dan lain-lain. Bahagian B pula mengenai tahap pengetahuan terhadap makanan lestari. Bahagian C menyentuh sikap isi rumah terhadap makanan lestari, Bahagian D adalah tentang kesedaran isi rumah terhadap makanan lestari dan akhir sekali ialah Bahagian E tentang amalan pengambilan makanan lestari.

Bahagian A menggunakan jenis soalan tertutup dan terbuka dengan jawapan telah disediakan oleh pengkaji. Responden hanya perlu mengisi maklumat peribadi pada ruangan yang telah disediakan dan menandakan (/) pada kotak yang disediakan bagi soalan berbentuk tertutup. Bahagian B menggunakan jenis soalan skala Guttman, iaitu setiap satu soalan mempunyai dua jawapan yang perlu responden jawab atau tandakan jawapan dalam ruang yang telah disediakan iaitu "Ya" atau "Tidak". Bahagian ini berkaitan tahap pengetahuan amalan makanan lestari. Selain itu, Bahagian C berkaitan sikap terhadap makanan lestari. Soalan pada bahagian ini juga menggunakan soalan jenis skala Likert yang mempunyai lima skala iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Responden perlu menandakan jawapannya mengikut pilihan pada ruang yang telah disediakan. Bahagian D pula adalah tentang kesedaran responden terhadap amalan penggunaan makanan lestari. Soalan pada bahagian ini juga menggunakan skala Likert lima mata sebagaimana Bahagian C, iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Bahagian E berkaitan amalan pengambilan makanan lestari dengan pengukuran menggunakan tiga mata, iaitu skala jenis-Likert, iaitu 1 = tidak pernah, 2 = kadang-kadang, 3 = selalu.

Kaedah analisis data

Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan bagi tujuan penganalisan data.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar belakang responden

Jadual 1 menunjukkan latar belakang sosiodemografi responden. Secara keseluruhannya, dari segi gender, kajian menunjukkan sebanyak 52.0 peratus ialah golongan lelaki dan 48.0 peratus ialah golongan perempuan. Seterusnya, tahap pendidikan juga dikenal pasti bagi setiap responden dalam kajian ini. Terdapat 10

kategori bagi tahap pendidikan, iaitu tiada pendidikan rasmi dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang dapatan mencatatkan 0 peratus bagi kategori ini, sebanyak 5.0 peratus yang berpendidikan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), manakala responden yang memiliki pendidikan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula ialah sebanyak 13.5 peratus responden. Bagi kategori pendidikan tahap STPM/Matrikulasi/Sijil pula ialah sebanyak 10.0 peratus responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 11.5 peratus yang memiliki Diploma, sebanyak 55.5 peratus memiliki Ijazah Sarjana Muda/Bachelor yang merupakan kategori yang paling ramai. Seterusnya, responden yang memiliki Master/Ph.D ialah sebanyak 7.0 peratus dan akhir sekali kategori lain-lain, iaitu 2.0 peratus responden yang menyatakan berpendidikan agama.

Merujuk Jadual 1, sebanyak 29.0 peratus responden iaitu yang paling tinggi daripada sektor pekerjaan iaitu kategori lain-lain yang kebanyakan responden menyatakan mereka bekerja sambil belajar di Institusi Pendidikan Awam mahupun Institusi Pendidikan Swasta. Bagi kategori sektor kerajaan tertinggi yang kedua, iaitu sebanyak 20.5 peratus responden manakala kategori bekerja sendiri/ahli perniagaan dan suri rumah/tidak bekerja pula sama bilangannya, iaitu sebanyak 16.5 peratus, yang mungkin responden lebih selesa bekerja sendiri dan juga dalam kalangan wanita yang menjadi suri rumah dan juga masih lagi belajar. Bagi kategori sektor swasta pula sebanyak 16.0 peratus responden iaitu kurang sedikit sebanyak 0.5 peratus berbanding dengan kategori bekerja sendiri/ahli perniagaan dan suri rumah/tidak bekerja terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya, pendapatan kasar bulanan isi rumah juga salah satu yang terdapat dalam Bahagian A. Sebanyak 44.0 peratus responden, iaitu yang paling tinggi yang mempunyai pendapatan kasar antara RM1000 hingga RM2999. Hal ini kerana responden yang melibatkan diri dalam kajian ini tidak melebihi empat tahun bekerja selepas bergraduat daripada institusi pendidikan awam mahupun swasta. Pendapatan kasar yang paling tinggi berjumlah antara RM7000 hingga RM14000 yang dimiliki sebilangan responden, tetapi paling rendah peratusannya iaitu sebanyak 8.5 peratus responden sahaja. Sebanyak 11.0 peratus responden yang memiliki pendapatan kasar antara RM5000 hingga RM6999, manakala 17.0 peratus sahaja dalam kalangan responden yang memiliki pendapatan kasar RM1000 ke bawah yang berlaku perbezaan sebanyak 6.0 peratus antara pendapatan kasar isi rumah antara RM5000 hingga RM6999 dengan RM1000 ke bawah. Akhir sekali, pendapatan kasar isi rumah yang minimum ialah antara RM3000 hingga RM4999, iaitu sebanyak 19.5 peratus dalam kalangan responden kajian ini.

Jadual 1: Latar Belakang Sosiodemografi

Latar Belakang Responden	Frekuensi	Peratus (%)
Gender		
Lelaki	104	52
Perempuan	96	48
Pendidikan		
Tiada pendidikan rasmi	0	0
UPSR	1	5
PMR	0	0
SPM	27	13.5
STPM/MATRIKULASI/SIJIL	20	10.0
Diploma	23	11.5
Ijazah Sarjana Muda/Bachelor	111	55.5
Master/Ph.D	14	7
Lain-Lain	4	2
Sektor Pekerjaan		
Sektor kerajaan	41	20.5
Sektor swasta	32	16
Bekerja sendiri/Ahli perniagaan	33	16.5
Pesara	3	1.5
Suri rumah/Tidak bekerja	33	16.5
Lain-lain	58	29
Pendapatan kasar bulanan isi rumah (RM)		
RM1000 ke bawah	34	17
RM1000-RM2999	88	44
RM3000-RM4999	39	19.5
RM5000-RM6999	22	11
RM7000 dan ke atas	17	8.5

Pengetahuan terhadap makanan lestari

Berdasarkan Jadual 2, antara pernyataan yang mempunyai nilai purata tertinggi ialah pernyataan “Mengandungi vitamin dan mineral.” yang bernilai 1.77. Hasil kajian ini selari dengan dapatan Lea dan Worsley (2005) yang menyatakan tentang majoriti masyarakat Australia memilih makanan lestari berbanding dengan makanan konvensional adalah disebabkan kandungan vitamin dan mineral yang tinggi. Hasil kajian ini juga turut disokong oleh Yaty dan Nur Hazirah (2017) dengan dapatan yang sama. Pernyataan kedua tertinggi pula ialah pernyataan “Makanan lestari melibatkan pengubahsuaian genetik.” yang bernilai purata 1.64. Seterusnya yang ketiga tertinggi antara 15 pernyataan ialah pernyataan “Tumbesaran tidak menggunakan baja kimia.” iaitu masing-masing bernilai purata 1.60. Pernyataan yang mencatatkan nilai terendah ialah “Makanan lestari adalah baik untuk kesihatan.” dan “Makanan lestari adalah lebih mesra alam.” iaitu bernilai purata 1.06, manakala kedua terendah pula ialah pernyataan “Makanan lestari dihasilkan dibawah piawaian (standard) alam

sekitar, teknologi pengeluaran, dan standard yang sihat.” yang bernilai purata 1.08, dan yang ketiga terendah ialah pernyataan “Makanan organik juga dipanggil makanan lestari.” iaitu bernilai purata 1.14.

Jadual 2: Pengetahuan Responden terhadap Makanan Lestari

Bil.	Pernyataan	Purata
1.	Tiada penggunaan rancun rumpai.	1.19
2.	Bebas GMO.	1.23
3.	Tumbesaran tidak menggunakan baja kimia.	1.60
4.	Makanan lestari adalah baik untuk kesihatan.	1.06
5.	Makanan lestari adalah lebih mesra alam.	1.06
6.	Tiada penggunaan racun serangga.	1.27
7.	Pertumbuhan secara semula jadi.	1.12
8.	Mengandungi vitamin dan mineral.	1.77
9.	Makanan organik juga dipanggil makanan lestari.	1.14
10.	Makanan lestari dihasilkan dibawah piawaian (standard) alam sekitar, teknologi pengeluaran, dan standard yang sihat.	1.08
11.	Makanan lestari melibatkan pengubahsuaian genetik.	1.64
12.	Makanan lestari mempunyai kandungan nutrien yang lebih tinggi daripada makanan konvensional.	1.16
13.	Makanan lestari mementingkan kebajikan haiwan.	1.29
14.	Kita boleh menilai makanan lestari atau tidak dengan ciri-ciri luaran makanan tersebut.	1.36
15.	Makanan lestari terdiri daripada makanan berwarna hijau.	1.37

Skor tahap pengetahuan responden terhadap makanan lestari

Jadual 3 menunjukkan jumlah skor tahap pengetahuan responden terhadap makanan lestari di Kota Bharu. Kekekapan bagi skor tahap pengetahuan adalah pada tahap yang tinggi iaitu 66.5 peratus, manakala bagi skor yang sederhana pula untuk tahap pengetahuan responden mencatatkan sebanyak 26.5 peratus yang merupakan kedua tertinggi. Hanya 1.0 peratus sahaja jumlah skor yang terendah bagi tahap pengetahuan responden terhadap makanan lestari.

Jadual 3: Skor Tahap Pengetahuan Responden terhadap Makanan Lestari

Tahap pengetahuan responden terhadap pengetahuan makanan lestari	Skor	Frekuensi (N=200)	Peratus (%)
Rendah	0-4	2	1.0
Sederhana	5-9	53	26.5
Tinggi	10-15	145	72.5

Sikap terhadap makanan lestari

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan nilai purata sikap isi rumah terhadap makanan lestari. Antara pernyataan nilai paling tertinggi ialah pernyataan “Saya yakin makanan lestari lebih berkualiti.” iaitu bernilai purata 4.20, manakala kedua tertinggi ialah pernyataan “Saya percaya makanan lestari mempunyai kandungan nutrien yang tinggi.” iaitu bernilai purata 4.14. Pernyataan yang ketiga tertinggi ialah pernyataan “Saya percaya terhadap keselamatan makanan lestari.” yang bernilai purata 3.97. Nik Ramli (2009) menemui kajian serupa di Malaysia iaitu pengguna yang prihatin terhadap kesihatan dan perlindungan persekitaran akan mempunyai sikap positif terhadap makanan lestari. Selain itu, pernyataan yang nilainya paling rendah ialah pernyataan “Penggunaan makanan lestari tidak membantu melindungi alam sekitar.” yang bernilai purata 2.18. Hal ini bermakna sikap dan amalan pengguna terhadap sesuatu fenomena sentiasa berubah-ubah, dan ini menerangkan bahawa pengetahuan, sikap dan amalan pengguna tidak difahami sebaik-baiknya (Saleki, 2012). Sementara, kedua terendah ialah “Saya tidak berminat dengan makanan lestari.” iaitu bernilai purata 2.26. Seterusnya, yang ketiga terendah iaitu pernyataan “Saya rasa makanan lestari mahal.” yang bernilai purata 3.22.

Jadual 4: Sikap Responden terhadap Makanan Lestari

Bil.	Pernyataan	Purata
1.	Penggunaan makanan lestari tidak membantu melindungi alam sekitar.*	2.18
2.	Saya tidak berminat dengan makanan lestari.*	2.26
3.	Saya yakin makanan lestari lebih berkualiti.	4.20
4.	Saya percaya makanan lestari mempunyai kandungan nutrien yang tinggi.	4.14
5.	Saya sukar mengenal pasti makanan lestari.*	3.29
6.	Saya bersedia membeli makanan lestari.	3.96
7.	Saya tidak kisah membelanjakan pendapatan saya untuk membeli makanan lestari.	3.83
8.	Saya percaya terhadap keselamatan makanan lestari.	3.97
9.	Saya rasa makanan lestari mahal.	3.22
10.	Saya yakin harga makanan lestari adalah berpatutan walaupun mahal.	3.67

*- pernyataan negatif

Skor sikap responden terhadap makanan lestari

Jadual 5 menunjukkan jumlah skor sikap responden terhadap makanan lestari di Kota Bharu. Kekekapan bagi skor sikap adalah pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 58.5 peratus, manakala bagi skor yang tinggi pula untuk skor sikap responden ialah sebanyak 40.5 peratus, yang merupakan kedua tertinggi. Hanya 1.0 peratus sahaja jumlah skor yang terendah bagi tahap pengetahuan responden terhadap makanan lestari.

Jadual 5: Skor Sikap Responden terhadap Makanan Lestari

Sikap terhadap makanan lestari	Skor	Frekuensi (N=200)	Peratus (%)
Rendah	10-23	2	1.0
Sederhana	24-37	117	58.5
Tinggi	38-50	81	40.5

Kesedaran terhadap makanan lestari

Berdasarkan Jadual 6 iaitu berkaitan kesedaran responden terhadap makanan lestari, yang mana ia menunjukkan nilai purata bagi kesedaran isi rumah terhadap makanan lestari. Antara pernyataan nilai paling tertinggi ialah pernyataan “Saya akan berusaha untuk membeli dan makan makanan lestari” iaitu bernilai purata 4.01, manakala kedua tertinggi ialah pernyataan “Saya pernah mendengar tentang konsep hijau” yang mana ia bernilai purata 3.93. Pernyataan yang ketiga tertinggi ialah pernyataan “Saya percaya pengeluar makanan lestari tempatan mengamalkan pertanian secara lestari” yang bernilai purata 3.92. Selain itu, pernyataan yang nilainya paling terendah ialah pernyataan “Adakah anda berfikir makanan lestari lebih mahal daripada makanan tidak lestari” yang mana ia bernilai purata 3.32, manakala kedua terendah ialah “Anda mengikuti ciri-ciri penting makanan lestari” iaitu bernilai purata 3.57. seterusnya yang ketiga ialah pernyataan “Saya dapat mengetahui makanan lestari daripada orang yang saya kenal dan percaya beritahu saya” yang bernilai purata 3.53.

Jadual 6: Kesedaran Responden terhadap Makanan Lestari

Bil.	Pernyataan	Purata
1.	Saya pernah mendengar tentang konsep hijau.	3.93
2.	Adakah anda berfikir makanan lestari lebih mahal daripada makanan tidak lestari.	3.32
3.	Adakah anda membaca label untuk mencari kandungannya yang lestari dari segi alam sekitar, semulajadi, kebajikan haiwan.	3.71
4.	Adakah anda rasa makanan lestari adalah kurang baik daripada makanan biasa atau tidak lestari. *	2.59
5.	Saya dapat mengetahui makanan lestari daripada orang yang saya kenal dan percaya beritahu saya.	3.53
6.	Saya hanya mempercayai logo kelestarian yang terdapat pada makanan untuk membuatkan produk yang berfungsi sebagai makanan lestari.	3.61
7.	Anda mengikuti ciri-ciri penting makanan lestari.	3.57
8.	Berada dalam masyarakat hijau atau mesra alam, masyarakat membuat saya lebih sedar mengenai makanan lestari.	4.01

Jadual 6 (sambungan)

Bil.	Pernyataan	Purata
9.	Saya akan berusaha untuk membeli dan makan makanan lestari.	3.91
10.	Saya percaya pengeluaran makanan lestari tempatan mengamalkan pertanian secara lestari.	3.92

*- pernyataan negatif

Skor kesedaran responden terhadap makanan lestari

Jadual 7 menunjukkan jumlah skor kesedaran responden terhadap makanan lestari di Kota Bharu. Kekekapan bagi skor kesedaran adalah pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 59.5 peratus, manakala bagi skor yang tinggi pula untuk skor kesedaran responden mencatatkan sebanyak 38.0 peratus, yang merupakan kedua tertinggi. Hanya 2.5 peratus responden sahaja yang memperoleh jumlah skor yang terendah bagi tahap skor kesedaran responden terhadap makanan lestari.

Jadual 7: Skor Kesedaran Responden terhadap Makanan Lestari

Kesedaran terhadap makanan lestari	Skor	Frekuensi (N=200)	Peratus %
Rendah	10-23	5	2.5
Sederhana	24-37	119	59.5
Tinggi	38-50	76	38.0

Amalan responden terhadap pengambilan makanan lestari

Berdasarkan Jadual 8, iaitu berkaitan amalan responden terhadap pengambilan makanan lestari, jadual menunjukkan nilai purata amalan isi rumah terhadap pengambilan makanan lestari. Antara pernyataan nilai paling tertinggi ialah pernyataan "Saya membaca label sebelum membeli makanan lestari." iaitu bernilai purata 2.34, manakala kedua tertinggi ialah pernyataan "Saya suka makanan lestari." yang bernilai purata 2.32. Pernyataan yang ketiga tertinggi ialah pernyataan "Saya mengambil makanan lestari." yang bernilai purata 2.22. Selain itu, pernyataan yang nilainya paling terendah ialah pernyataan "Saya mengelak daripada membeli makanan lestari." yang bernilai purata 1.72, manakala kedua terendah ialah "Saya menyertai aktiviti berkaitan makanan lestari (contoh: Promosi makanan lestari)." iaitu bernilai purata 1.76. Seterusnya, yang ketiga ialah pernyataan "Saya tidak bersedia membayar lebih untuk makanan lestari." yang bernilai purata 1.81.

Jadual 8: Amalan Responden terhadap Makanan Lestari

Bil.	Pernyataan	Purata
1.	Saya mengelak daripada membeli makanan lestari.*	1.72
2.	Saya membeli makanan lestari.	2.19
3.	Saya mengambil makanan lestari.	2.22
4.	Saya suka makanan lestari.	2.32
5.	Saya tidak bersedia membayar lebih untuk makanan lestari. *	1.81
6.	Saya mencari maklumat mengenai makanan lestari.	2.04
7.	Saya mencadangkan makanan lestari untuk orang lain.	2.13
8.	Saya mempertimbangkan untuk membeli makanan lestari walaupun mahal.	2.10
9.	Saya membaca label sebelum membeli makanan lestari.	2.34
10.	Saya menyertai aktiviti berkaitan makanan lestari (contoh: Promosi makanan lestari).	1.76

*- pernyataan negatif

Skor amalan responden terhadap pengambilan makanan lestari

Jadual 9 menunjukkan jumlah skor amalan responden terhadap makanan lestari di Kota Bharu. Kekekapan bagi skor sikap adalah pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 60.0 peratus, manakala bagi skor yang tinggi pula untuk skor sikap responden mencatatkan sebanyak 30.0 peratus, yang merupakan kedua tertinggi. Hanya 10.0 peratus responden sahaja jumlah skor yang terendah bagi tahap skor kesedaran responden terhadap makanan lestari.

Jadual 9: Skor Amalan Responden terhadap Makanan Lestari

Amalan terhadap makanan lestari	Skor	Frekuensi (n=200)	Peratus (%)
Rendah	10-16	20	10.0
Sederhana	17-23	120	60.0
Tinggi	24-30	60	30.0

Faktor-faktor peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari

Jadual 10 ialah berkaitan faktor-faktor peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari. Analisis regresi linear pelbagai telah dilakukan dengan menggunakan kaedah "Enter" untuk menentukan angkuh bebas merupakan peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari.

Analisis regresi linear pelbagai adalah antara pemboleh ubah bersandar iaitu amalan makanan lestari dengan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap pendidikan,

tahap pengetahuan, sikap, dan kesedaran (faktor peramal). Nilai R^2 terselaras bagi tahap pendidikan, tahap pengetahuan, sikap dan kesedaran terhadap amalan pengambilan makanan lestari ialah 33.8 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa kemampuan faktor peramal mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari ialah sebanyak 33.8 peratus. Seterusnya, kesedaran didapati mempengaruhi amalan makanan lestari pada tahap yang signifikan ($B = 0.408$, $p = 0.000$). Menurut Arttachariya (2010), kesedaran adalah salah satu faktor yang mempengaruhi penggunaan makanan lestari. Sikap juga didapati mempengaruhi amalan makanan lestari tetapi pada tahap marginal ($B = 0.088$, $p = 0.099$). Selain sikap dan kesedaran, faktor tahap pendidikan dan pengetahuan didapati tidak menjadi faktor peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari.

Jadual 10: Faktor peramal yang mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari

Model	B	β	P	F
(Malar)	5.734 ^a		0.018	26.43
Tahap pendidikan	0.129	0.041	0.476	
Pengetahuan	0.056	0.028	0.634	
Sikap	0.088	0.125	0.099*	
Kesedaran	0.408	0.501	0.000**	

$R = 0.593$, $R^2 = 0.352$, R^2 terselaras = 0.338,
Ralat Piawai = 2.405, $F = 26.43$, Sig $F = 0.000$

* signifikan pada aras 10%

** signifikan pada aras 5%

Kesimpulan

Kelestarian alam sekitar ialah asas penentu kesihatan manusia (Myers, Gaffikin, Golden, Ostfeld, Redford, Ricketts, & Osofsky (2013) dan Li (2017). Makanan lestari adalah salah satu daripada tiga domain penggunaan yang bertanggungjawab mengurangkan kesan persekitaran (Reisch, Eberle, & Lorek, 2013). Dengan demikian, hasil kajian mendapati tahap pengetahuan isi rumah berada pada tahap yang tinggi kerana mereka percaya bahawa sesuatu makanan lestari itu akan mendatangkan manfaat dan juga kebaikan pada diri mereka. Bagi pemboleh ubah sikap, didapati sikap isi rumah berada pada tahap yang sederhana. Hal ini dapat disimpulkan bahawa keseluruhan responden bagi kajian ini, iaitu isi rumah di Kota Bharu bersikap sederhana terhadap makanan lestari.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kesedaran isi rumah berada pada tahap yang sederhana. Hal ini kerana isi rumah di Kota Bharu mempunyai kesedaran, namun sukar untuk mengaplikasikan kesedaran dalam kehidupan seharian. Amalan

pengambilan makanan lestari kalangan isi rumah berada pada tahap yang sederhana kerana kebanyakan isi rumah bersederhana dalam mengambil makanan lestari dan juga tidak bersedia membayar lebih untuk makanan lestari.

Hasil analisis regresi linear pelbagai menunjukkan faktor-faktor peramal yang signifikan mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari ialah kesedaran dan sikap sahaja, iaitu sebanyak 33.8 peratus. Sementara faktor peramal tahap pendidikan dan pengetahuan didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi amalan pengambilan makanan lestari.

Oleh yang demikian, hasil kajian yang diperoleh diharap dapat memberi gambaran tentang pengetahuan, kesedaran, sikap terhadap amalan makanan lestari isi rumah di Kota Bharu. Justeru, hal ini dapat membantu isi rumah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran isi rumah tentang corak dan pengamalan makanan lestari. Oleh itu, memupuk penggunaan makanan lestari sebagai panduan dalam menentukan pilihan pengguna ialah strategi penting untuk memelihara kelestarian alam sekitar (Tanner & Wolfing, 2003).

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber maklumat kepada pengeluar, pasaraya, media dan pengusaha makanan berkenaan kepentingan makanan lestari melalui produk pembangunan dan pengedaran bahan pengiklanan, justeru pihak-pihak ini boleh menyediakan menu yang berkhasiat, sihat dan seimbang kepada masyarakat umumnya dan khususnya kepada pelajar sejajar dengan konsep makanan lestari. Hal ini kerana dengan adanya pemakanan yang berkonsepkan lestari, masyarakat umumnya mudah dalam menimba ilmu pengetahuan di samping dapat menjaga kesihatan diri dan terhindar diri daripada pelbagai risiko dan penyakit.

Pihak kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, boleh juga mengadakan tindakan susulan dan merangka strategi yang efektif atau membangunkan program yang berkaitan amalan makanan lestari bertujuan membantu meningkatkan tahap pengetahuan, sikap, kesedaran dan amalan makanan lestari kepada masyarakat di seluruh Malaysia.

Rujukan

- Ahmad, M. & Juhdi, N. (2010). Organic food: A study on demographic characteristics and factors influencing purchase intentions among consumers in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Business and Management*, 5(2), 105-118.
- Amran, A. & Nee, G. (2012): Determinants of behavioural intention on sustainable food consumption among consumers of low income group: Empirical evidence

from Malaysia, in: *WEI International European Academic Conference, Proceedings, Zagreb, Croatia*, 3(9), 84-93.

Andrzejewski, C.S., Michael, H.R., & White, J. (2008). Does where you live influence what you know? Community effects on health knowledge in Ghana. *Health Place*, 15, 228-238.

Arttachariya, P. (2012). Environmentalism and green purchasing behavior: A study on graduate students in Bangkok, Thailand. *Academic Review*, 11(2), 1-11.

Chris, J. (2008). *Health Concerns Driving Shift to Green Food Consumption*. <http://www.foodnavigatorusa.com/Financial-Industry/Health-concernsdriving-shift-to-green-foodconsumption> pada 1 Jun 2018.

Gil, J.G. (2000). Market segmentation and willingness to pay for organic products in Spain. *International Food and Agribusiness Management Review*, 3, 207-26.

Goldman, M.C. & Hylton, W. (1972). *The Basic Book of Organically Grown Foods*. Erasmus, Pennsylvania: Rodale Press.

Hafezi, S., Shobiri, S.M., Sarmadi M.R., & Abass, E. (2013). *Novel of environmental communal education: Content analysis based on distance education approach*. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*, 14(1), 13.

Honkanen, P., Verplanken B., & Olsen, S.O. (2006). Ethical values and motives driving organic food choice. *Journal of Consumer Behaviour*, 5(5), 420-430.

Johe, M.H. & Bhullar, N. (2016). To buy or not to buy: The roles of self-identity, attitudes, perceived behavioural control and norms in organic consumerism. *Ecological Economics*, 128, 99-105.

Lam, S.L. & Zuroni, M.J. (2013). *Factors influencing the practices of green food consumption among Generation Y of Chinese consumers*. Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA ke-17 Tahun 2013, 87-112.

Lasanta (2018) *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengetahuan*. http://pakjalsigli.blogspot.my/2013/08/faktor-faktor-yang-mempengaruhi_12.html pada 6 jun 2017

Lea, E., & Worsley, A. (2005). Australians' organic food beliefs, demographics and values. *British Food Journal*, 107(11), 855-869.

- Lidiana, L., Zuroni, M.J., Norhasmah, S., Husniyah, A.R., @ A.W., Elistina, A.B., & Askiah, J. (2014). Pengetahuan, sikap dan amalan pengguna terhadap makanan lestari. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 23, 87-102.
- Tatiana, S., Norhasmah, S., & Syuhaily, O. (2015). Corak pengambilan makanan dan tahap kecukupan nutrien dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam di Lembah Klang. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 25, 115-133.
- Li, A.M. (2017). Ecological determinants of health: Food and environment on human health. *Environmental Science and Pollution Research*, 24, 9002-9015.
- Liu, L.J. (2003). *Enhancing Sustainable Development Through Developing Green Food: China's Option*. http://www.unctad.org/trade_env/test1/meetings/bangkok4/chinaPPT.pdf pada 15 Mei 2018.
- Mahesh, N. (2013). *Consumer's perceived value, attitude and purchase intention of green products*. *Management Insight*, 9(1), 36-43.
- Maria, J., (2015) *Attitudes toward green food purchase among students: Evidence from eastern croatia*. https://bib.irb.hr/datoteka/698544.Jeger_Ham_Leko_Attitudes_toward_green_food_purchase_among_students.pdf pada 6 Jun 2018.
- Mario, F.T., Sara B.F., & Alan S.L. (2009). *Information effects on consumer attitudes toward three food technologies: Organic production, biotechnology and radiation*. *Food Quality and Preference*, 20, 586-596.
- Morrow, J.R., Krzewinski-Malone, J.A., Jackson, A.W., Bungum, T.J., & Fitzgerald, S.J. (2004). American adults' knowledge of exercise recommendations. *Research Quarterly 14 for Exercise and Sports*, 75(3), 231 - 237.
- Myers, S.S., Gaffikin, L. Golden, C.D., Ostfeld, R.S., Redford, K.H., Ricketts, T.H., & Osofsky, S.A. (2013). Human health impacts of ecosystem alteration. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 110, 18753-18760.
- Nik Ramli, N.A.R. (2009). Awareness of eco-label in Malaysia's green marketing initiative. *International Journal of Business and Management*, 4(8), 132.
- Ottman, J. (1992). Sometimes consumers will pay more to go green. *Marketing News*, 16, 25-40.

- Phuah, K.T., Golnaz, T., Zainalabidin, M., & Mad Nasir, S. (2011). Consumers' intention to purchase green food in Malaysia. *International Conference on Innovation Management and Service*, 14, 113-118.
- Perrini, F., Castaldo, S., Misani, N., & Tencati, A. (2010). The impact of corporate social responsibility associations on trust in organic products marketed by mainstream retailers: A study of Italian consumers. *Business Strategy and the Environment*, 19(8), 512-526.
- Rezai, G., Mohamed, Z., Shamsudin, M.N., & Phuah, K.T. (2011). Demographic and attitudinal variables associated with consumers' intention to purchase green produced foods in Malaysia. *International Journal of Innovation Management and Technology*, 2(5), 401-406.
- Roberts, J.A. (1996). Green consumers in the 1990s: Profile and implications for advertising. *Journal of Business Research*, 36(2), 217-231.
- Sadatul, M.R., (2008) *Hidup sihat dengan organik*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0211&pub=Utusan_Malaysia &sec=Keluarga&pg=ke_03.htm pada 29 Februari 2018.
- Saleki, S.Z., Seyedsaleki, S.M., & Rahimi, M.R. (2012). *Organic food purchasing behavior in Iran. Organic Food Purchasing Behavior in Iran*, 3(13), 278-285.
- Salleh, M. (2010). *Consumer's Perception and purchase intentions towards organic food products. Canadian Social Science*, 6(6), 119-129.
- Schillinger, D., Grumbach, K., Piette, J.D., Wang, R., Osmond, D., & Dacher, C. (2002). *Association of health literacy with diabetes outcomes. JAMA* 288, 475-482.
- Schlegelmilch, B.B., Greg, M.B., & Adamantios, D. (1996). The link between green purchasing decisions and measures of environmental consciousness. *European Journal of Marketing*, 30(5), 35-55.
- Sharf, M., Selaa, R., Zentner, G., Shooba, H., Shai, I., & Zamir, C.S. (2012). Figuring out food labels: Young adults' understanding of nutritional information presented on food labels is inadequate. *Appetite*, 58, 531-534.
- Soonthonsmai, V. (2007). *Environmental and green marketing as global competitive edge: Concept, synthesis, and implication*. EABR (business) and ETLC (teaching) Conference Proceeding, Venice, Italy.

- Reisch, L., Eberle, U., & Lorek, S. (2013). Sustainable food consumption: An overview of contemporary issues and policies. *Sustainability*, 9, 7–25.
- Rödiger, M.S. (2018). *The Role of Price in Consumers' Purchase Decisions on Organic Food*. Ph.D. Dissertation, Universität Kassel, Kassel, Germany.
- Rudd, J. & Glanz, K. (1990). How individuals use information for health action: Consumer information processing. In K. Glanz, F. Marcus-Lewis & B. K. Rimer (Eds.), *Health behaviour and health education: Theory research and practice* (pp. 115-139). San Francisco: Joey-Bass.
- Tan, A.K.G., Dun, R.A., Mohamed, I.A.S., & Mustaqpha I.F. (2011). Sociodemographic and health-lifestyle determinants of obesity risk in Malaysia dlm. *Asia Pacific Journal Public Health*, 23(2), 192-202.
- Tan, B.C. & Lau, T.C. (2010). The roles of knowledge, and attitude towards the environment of green product. *Management Science and Engineering*, 4(2), 27-39.
- Tanner, C. & Wölfling K.S. (2003). *Promoting sustainable consumption: Determinants of green purchases by Swiss consumers*. *Psychology and Marketing*, 20(10), 883-902.
- Tatiana, S., Norhasmah, S., & Syuhaily, O. (2015). Corak Pengambilan makanan dan tahap kecukupan nutrien dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam di Lembah Klang. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 25, 115-133.
- Teisl, M.F., Levy, A.S., & Derby, B.M. (1999). The effects of education and information source on consumer awareness of diet-disease relationships. *Journal of Public Policy Marketing*, 10, 85-96.
- Wan, C. & Shen, G.Q. (2015). Encouraging the use of urban green space: The mediating role of attitude, perceived usefulness and perceived behavioural control. *Habitat International*, 50, 130-139.
- Wang, C., Zhang, J., Cao, J., Hu, H., & Yu, P. (2019). The influence of environmental background on tourists' environmentally responsible behaviour. *Journal of Environmental Management*, 231, 804-810.
- Wetter, A.C., Goldberg, J.P., King, A.C., & Sigmant-Grant, M. (2001). How and why do individuals make food and physical activity choices. *Nutrition Reviews*, 59(3), 11-20.

Yaty, S. & Nur Hazirah, M.J. (2017). A study of consumption patterns on green food among students in Universiti Utara Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 7(1), 20-32.

Jurnal
Pengguna Malaysia

ISSN 1511-998X

